



# Minggu Alam Sekitar Malaysia

## KERTAS PROGRAM

### **ANUGERAH SEKOLAH RAKAN ALAM SEKITAR (SERASI) SEMPENA MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA (MASM) 2004 PERINGKAT NEGERI SABAH**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Sekolah merupakan tempat paling tepat untuk membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Ini adalah kerana hanya di sekolahlah keperibadian dan persepsi manusia terhadap alam sekitar dapat dibentuk atau dicorakkan. Apabila sudah dewasa atau keluar dari alam sekolah, seorang manusia akan lebih sukar untuk dididik seperti kata pepatah "Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya". Sekolah-sekolah di Sabah telah mula menerapkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan pelajarannya dan mewujudkan generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar. Justeru itu, bagi menghargai usaha murni pihak sekolah ini maka satu bentuk pengiktirafan diberikan kepada pihak sekolah.

#### **2.0 TUJUAN / OBJEKTIF**

- 2.1 Untuk mempertingkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar di sekolah.
- 2.2 Untuk memupuk sikap positif dan cintakan alam sekitar di kalangan warga sekolah khususnya dan masyarakat setempat amnya.
- 2.3 Untuk membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- 2.4 Untuk mengiktiraf usaha berterusan sekolah dalam program Pendidikan Alam Sekitar.

#### **3.0 KONSEP**

SERASI adalah berkonsepkan amalan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di sekolah pada sepanjang masa. Ia turut menyokong dan mengukuhkan program pendidikan alam sekitar merentas kokurikulum. SERASI adalah pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, Kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Konsep ini juga menitikberatkan pendekatan bersepadu dalam pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan sekolah. SERASI merupakan pusat pembelajaran dan pengajaran yang dapat mempengaruhi warga sekolah dan masyarakat ke arah kehidupan lestari.

## 4.0 SASARAN

Penyertaan adalah terbuka kepada semua sekolah menengah dan rendah kerajaan dan bantuan Kerajaan, termasuk Sekolah Menengah Agama Negeri dan Maktab Rendah Sains MARA di Negeri Sabah.

## 5.0 JAWATANKUASA PROGRAM

- 5.1 **Pengerusi** : Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia
- 5.2 **Urusetia** : Unit Pendidikan dan Sebaran Maklumat  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah  
Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar Malaysia

### Ahli :

- 5.3 Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS)
- 5.4 Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
- 5.5 Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar Sabah (EAC)
- 5.6 Kota Kinabalu City Bird Sanctuary (KKCBS)

## 6.0 PELAKSANAAN PROGRAM

### 6.1 Jadual Pelaksanaan

Sila rujuk Lampiran 1

### 6.2 Pemilihan

Pemilihan berperingkat dijalankan bagi menyenaraipendekkan sekolah-sekolah yang sesuai untuk dinilai bagi Anugerah SERASI. Laporan atau borang penyertaan tidak diperlukan.

#### Peringkat Pertama

**Kaedah** : Tapisan awal akan dilakukan oleh Pejabat Pendidikan Daerah. PPD akan mencalonkan sekolah menengah dan sekolah rendah yang layak bagi setiap daerah untuk penilaian kedua.

#### Peringkat Kedua

**Kaedah** : Penilaian kedua akan dilakukan oleh pengadil di peringkat daerah yang dilantik oleh pihak penganjur. Tiga pengadil bagi setiap daerah akan menjalankan lawatan penilaian ke sekolah-sekolah yang terpilih. Sebanyak sepuluh (10) sekolah menengah dan sepuluh (10) sekolah rendah akan layak ke peringkat akhir.

### **Peringkat Akhir**

**Kaedah** : Panel hakim yang dilantik oleh Jawatankuasa Penganjur akan menjalankan lawatan penghakiman ke sepuluh (10) sekolah menengah dan sepuluh (10) sekolah rendah yang berjaya ke peringkat akhir. Pemarkahan akan diberikan bagi menentukan pemenang mengikut kategori yang ditetapkan.

**Catatan** :

1. Kriteria penghakiman adalah sama bagi setiap peringkat pemilihan
2. Guru dan pelajar akan ditemuramah secara rambang mengenai kesedaran alam sekitar bagi memperolehi **markah bonus** untuk Kategori Anugerah SERASI.

### **6.3 Panel Penilai**

1. Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar Sabah (EAC)
2. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
3. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS)
4. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
5. Kota Kinabalu City Bird Sanctuary (KKCBS)

### **6.4 Kriteria dan Syarat-Syarat**

Sila rujuk Lampiran 2.

## **7.0 PENUTUP**

Program Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) merupakan program tahunan yang disambut di seluruh Malaysia dan seharusnya program seumpama ini turut dapat dirasai oleh warga Sabah di mana jua berada. Anugerah SERASI diharap dapat menjadi pemangkin kepada penerapan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar untuk mewujudkan persekitaran sekolah lestari dan seterusnya melahirkan generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar.

## JADUAL PELAKSANAAN PROGRAM ANUGERAH SERASI 2004

Bil.	Perkara	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan-05
1.	Pengumuman ke sekolah											
	- Taklimat kpd. Peg. Pend. Daerah											
	- Pengumuman kepada sekolah dan media											
	- Penglibatan Pihak Sekolah											
2.	Pemilihan											
	- <b>PERINGKAT PERTAMA</b>											
3.	Penilaian											
	- Persediaan Pengadil Peringkat Kedua											
4.	Penghakiman											
	- <b>PERINGKAT AKHIR</b>											
5.	Majlis Anugerah											

Nota :

///// = Penlibatan sekolah adalah berterusan

**Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)**  
*Sempena*  
**Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) 2004**  
*Anjuran Bersama*  
**Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar,  
Jabatan Pendidikan Sabah, Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC),  
Kota Kinabalu City Bird Sanctuary (KKCBS) dan SHELL Malaysia**

**A. SYARAT -SYARAT PERTANDINGAN**

1. Pertandingan ini melibatkan semua sekolah menengah dan rendah kerajaan dan bantuan kerajaan termasuk Sekolah Menengah Agama Negeri dan Maktab Rendah Sains MARA di Sabah.
2. Semua sekolah yang terpilih ke peringkat akhir dalam program ini akan menerima sijil penghargaan manakala sekolah yang terpilih hingga ke peringkat kedua akan menerima surat penghargaan dari pihak penganjur.
3. Sebarang pertanyaan mengenai Anugerah ini hendaklah diajukan kepada urusetia di alamat berikut:

Urusetia  
Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI)  
Unit Pendidikan Dan Sebaran Maklumat  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah  
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar  
No. 29, Tingkat 5, Menara MAA  
Lorong Api-Api 1  
**88000 Kota Kinabalu**

Tel : 088-250122 / 250123  
Faks : 088-241170

4. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

**B. HADIAH**

Setiap sekolah yang berjaya hanya boleh memenangi hadiah bagi satu kategori sahaja.

Hadiah-hadiah yang disediakan adalah :-

1. Anugerah Sekolah Rakan Alam Sekitar : RM 2000.00 & Piala
2. Pengurusan Alam Sekitar Terbaik : RM 1000.00 & Sijil Penghargaan
3. Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Terbaik : RM 1000.00 & Sijil Penghargaan
4. Penghijauan Sekolah Terbaik : RM 1000.00 & Sijil Penghargaan
5. Kebersihan & Keindahan Persekitaran Sekolah : RM 1000.00 & Sijil Penghargaan
6. Sijil Penghargaan kepada sekolah yang layak ke Peringkat Akhir.
7. Surat Penghargaan kepada sekolah yang layak ke Peringkat Kedua.

## C. KRITERIA PENGHAKIMAN

### 1. Anugerah SERASI

- 1.1 Memenuhi kesemua kriteria penghakiman (memperolehi jumlah markah tertinggi bagi kategori No.2 dan No.5)
- 1.2 Markah Bonus
  - Elemen khas seperti sekolah melakukan sesuatu atau projek atas inovasi, inisiatif dan kreativiti sendiri yang melibatkan masyarakat setempat selain daripada warga sekolah. (*Mempunyai rekod atau laporan untuk dirujuk*)
  - Temurah Pengetua/Gurubesar, guru dan pelajar mengenai kesedaran dan komitmen terhadap alam sekitar.

### 2. Pengurusan Alam Sekitar Terbaik

- 2.1 Misi
  - *Wujud unsur alam sekitar di dalam misi sekolah.*
- 2.2 Organisasi
  - *Menubuhkan jawatankuasa penyelaras yang terdiri daripada pentadbir, ahli PIBG, guru, staf sokongan dan wakil pelajar.*
  - *Kekerapan mesyuarat ; mempunyai fail dan minit untuk dirujuk.*
- 2.3 Strategi dan Pelan Tindakan Pelaksanaan
  - *Perancangan Program dan Aktiviti*
    - *Menyebarkan mesej alam sekitar dalam perhimpunan dan papan kenyataan*
    - *Koleksi bahan bacaan, rujukan dan multimedia alam sekitar di pusat sumber sekolah.*
    - *Mengadakan dan mengimpelentasikan peraturan sekolah yang berkaitan alam sekitar.*
    - *Memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang menyumbang dan terlibat secara aktif dalam melaksanakan program pendidikan alam sekitar.*
  - **Sistem memantau** pelaksanaan strategi dan pelan tindakan
  - **Sistem laporan** kemajuan yang boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilai.
    - i) *Jenis aktiviti dan tarikh pelaksanaan*
    - ii) *Jawatankuasa penganjur*
    - iii) *Penglibatan warga sekolah/masyarakat setempat*
    - iv) *Komen pencapaian*
    - v) *Mesyuarat post mortem*

### 3. Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Terbaik

- 3.1 Program atau aktiviti yang berkaitan pendidikan alam sekitar.
  - *Gotong-royong*
  - *Program Penggalakan Penanaman Pokok seperti Taman Angkat, Program 1 Pelajar 1 pokok; dsb*
  - *Program Khas seperti Hari Kitar Semula, Hari Bumi, Minggu Alam Sekitar Malaysia; dsb*
  - *Seminar, ceramah, pameran, bengkel kepada pelajar, guru dan kakitangan*
  - *Lawatan sambil belajar, kem alam sekitar dan kembara ke tempat yang bercirikan alam sekitar*

- *Menganjurkan permainan/sukan yang bertemakan alam sekitar seperti Enviro-Hunt, Larian Hijau dsb*
- *Penyertaan pertandingan luar sekolah berkaitan alam sekitar, misalnya melukis, mewarna, esei, puisi, debat, drama, mencipta barangan kitar semula dsb.*

\* (Aktiviti dan program direkod sebagai bahan rujukan)

#### **4. Penghijauan Sekolah Terbaik**

##### 4.1 Amalan 5R (Rethink, Reduce, Repair, Reuse, Recycle)

- *Menggunakan kertas depan dan belakang*
- *Pengasingan sampah*
- *Menggunakan air hujan untuk siram pokok dsb*
- *Baja kompos dari sisa makanan dan tumbuhan*

##### 4.2 Pengurusan Sumber

- *Penjimatan air dan elektrik*
- *Cara saranan ; notis, papan kenyataan, poster, pengumuman dsb*
- \* (Bil bulanan disimpan untuk rekod perbandingan)

##### 4.3 Penghijauan Taman

- *Rekabentuk dan konsep taman serta peranan pokok misalnya, Taman Sains, Taman Herba, Taman Kaktus dsb*
- *Ada keterangan dan fungsi pokok*
- *Pelabelan pokok dengan nama saintifik & tempatan*
- *Penggunaan baja organik*

#### **5. Kebersihan Dan Keindahan Persekitaran Sekolah**

##### 5.1 Kebersihan persekitaran sekolah

- *Lanskap*
- *Longkang*
- *Kaedah pengurusan sampah*
- *Tempat pengurusan sampah*
- *Memanfaatkan tempat pengasingan sampah*

##### 5.2 Keceriaan bangunan sekolah

- *Keadaan cat*
- *Mural yang menarik atau berkaitan dengan alam sekitar*

##### 5.3 Tahap kebersihan kantin

- *Pengurusan sampah di tempat memasak dan pengasingan sampah*
- *Peralatan memasak, pinggan mangkuk dsb*
- *Penggunaan bekas makanan untuk pelajar – tidak menggunakan styrofoam*
- *Kaedah mengawal serangga seperti lalat dan lipas*
- *Kebersihan perparitan di kawasan kantin*

##### 5.4 Tahap kebersihan tandas

- *Tiada pencemaran bau*
- *Lantai bersih dan kering*
- *Sinki bersih dan tiada kesan kotoran*
- *Mangkuk tandas yang sempruna dan bersih*
- *Tiada penyalahgunaan tandas (vandalism)*
- *Peralatan tandas yang lengkap dan selesa (contoh; baldi, gayung, sabun)*
- *Bakul sampah yang bersih*